

08 AUG 2000

Hutan-IUFRO/I

IUFRO IKTIKRAF USAHA M'SIA DALAM PENGURUSAN HUTAN MAPAN

Oleh: Mohamed Nasir Yusof

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Kesatuan Antarabangsa Pertubuhan Penyelidikan Perhutanan (IUFRO), yang mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara terkemuka di dunia dengan penyelidikan perhutanan tradisi, percaya negara ini berada di landasan yang betul menuju pengurusan hutan mapan.

Presiden IUFRO Prof Jeffery Burley berkata kerajaan Malaysia telah berusaha keras dengan penyelidikan dan pengurusan yang baik dalam negara untuk memulihkan sesetengah hutan semulajadi.

"Kerajaan Malaysia memperuntukkan kawasan yang luas terutamanya di Semenanjung sebagai kawasan simpanan dan sesetengahnya kini sebagai tapak warisan," katanya dan menarik perhatian terhadap usaha mengekalkan hampir 72 peratus keseluruhan kawasan tanah Malaysia dengan kehijauan.

Bercakap kepada Bernama pada Kongres Sedunia Ke-21 IUFRO, yang sedang berlangsung di sini selama enam hari, beliau berkata dengan berbuat demikian Malaysia tidak harus mengetepikan nilai menanam semula spesies eksotika asing.

Dalam usaha untuk melindungi hutan semulajadi yang masih ada yang meliputi 58 peratus kawasan tanah, spesies eksotika asing juga boleh mengeluarkan manfaat ekonomi sementara beransur-ansur memulihkan semula tanah.

Burley juga bersetuju dengan ucapan perasmian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada kongres itu bahawa tidak harus ada sebarang boikot dan pengharaman produk hutan, terutamanya dari hutan tropika yang ada pertalian akses kepada perdagangan dan pasaran.

Dr Mahathir antara lain berkata syarat-syarat perdagangan dan alam sekitar tidak akan mengurangkan pembasmian hutan. Malahan, akses pasaran lebih luas akan dapat membantu pengurusan hutan mapan dengan menyediakan pendapatan yang amat diperlukan bagi tujuan itu, katanya.

Profesor itu berkata masalah utama pada masa lepas ialah banyak negara telah menjadi tamak dengan mengeksplotasi sumber-sumber hutan.

Malaysia juga telah melalui tempoh terlalu mengeksplotasi, kata beliau, sambil menegaskan bahawa ia sedang berusaha mewujudkan semula dan memulihara hutan semulajadi sedia ada dan mendapat manfaat daripada perladangan komersil.

"Tetapi di Malaysia, anda tahu banyak perkara dalam menguruskan hutan semulajadi," katanya, dan menurutnya walaupun banyak yang telah ditebang lebih daripada sekali tetapi keupayaan Malaysia untuk mengekalkan banyak kehijauan menunjukkan bahawa hutan boleh ditebang secara mapan.

Katanya beliau tidak percaya dengan langkah mengharamkan import produk hutan tropika kerana banyak kehidupan bergantung kepada hutan terutama kini dengan aspek kepelbagaian biologi dan pelancongan berasaskan ekologi dalam gambaran yang lebih luas.

"Menggunakan hutan bermakna menggunakannya secara mapan dan menguruskannya...dengan tidak terlalu tamak," katanya.

Katanya perkara utama yang perlu bagi pengguna hutan ialah mengiktiraf kemapanan dan komitmen jangka panjang termasuk dalam aspek semangat politik dan juga ekonomi di pihak pemegang konsesi.

Beliau berkata terdapat tekanan yang semakin meningkat daripada orang ramai untuk memulihkan hutan kerana orang ramai secara umumnya suka melihat hutan yang semulajadi dan tidak disentuh tetapi orang yang sama juga mahukan antara lain palpa, kertas dan kayu bagi bangunan.

Burley berkata dalam sesetengah kes, pemulihan semula hutan boleh berlaku secara semulajadi, kerana terdapat banyak benih dalam tanah dan pada yang lainnya, penggalakan penanaman semula spesies asli boleh dilakukan.

Mengenai IUFRO, Burley berkata, badan sukarela itu yang ditubuhkan pada

1892 dan berpejabat di Vienna akan terus berusaha menggalakkan penyelidikan dan para penyelidik supaya menangani isu-isu berkaitan dan mengemukakan hasil kajian mereka dalam cara yang pembuat dasar dan semua pemegang saham boleh faham.

"Kita tidak paksa seseorang membuat sebarang dasar...kita menyebarkan kepada mereka pengetahuan untuk berbuat demikian, berdasarkan itu, mereka akan tahu apakah hasil daripada keputusan tertentu yang mereka buat," katanya.

Kongres Sedunia Ke-21 IUFRO juga mengurniakan anugerah tertingginya kepada Franz Schmithuesen dari Jerman dan Dr Salleh Mohamed Noor dari Malaysia kerana perkhidmatan cemerlang mereka kepada IUFRO. Dr Salleh merupakan presiden IUFRO yang lepas dan juga bekas ketua pengarah Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM).

-- BERNAMA

MNY AHH RHM RON